



Rujukan Kami :
Tarikh :

SURAT SETUJU TERIMA

Pengarah Urusan
Nama Syarikat
Alamat Syarikat

Tuan,

MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI, MELANCAR DAN MENTAULIAH TERMASUK MENYEDIAKAN KHIDMAT PENYENGGARAAN (PREVENTIVE MAINTENANCE) UNTUK TEMPOH 3 TAHUN BAGI 216 UNIT PC.

Dengan hormatnya, saya di arah merujuk perkara di atas dan sukacita memaklumkan bahawa pihak Kerajaan telah bersetuju menerima tawaran tuan secara eBidding pada 22 November 2006 dengan harga RM ????? (Dalam Perkataan.)

2. Tuan adalah diingatkan bahawa sebagai syarat-syarat tawaran, tuan dikehendaki menyempurnakan perkara-perkara berikut,

- 2.1 Mendepositkan satu Bon Pelaksanaan dalam bentuk Jaminan Bank/Jaminan Syarikat Kewangan/Jaminan Insurans yang tidak boleh batal daripada sebuah Bank/Syarikat Kewangan/Syarikat Insurans yang diluluskan dan didaftarkan di Malaysia dengan jumlah sebanyak RM ????? (Dalam Perkataan.) yang merupakan 5% dari nilai kontrak dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh surat ini. Contoh Bon Pelaksanaan tersebut adalah seperti di [Lampiran A](#).

- 2.2 Mengemukakan format spesifikasi yang lengkap diisi sepenuhnya seperti di [Lampiran B](#).
- 2.3 Mengekalkan harga tawaran sehingga selesai membekal, menghantar, memasang, menguji, melancar dan mentauliah semua peralatan dengan sempurna.

Apa-apa kegagalan dalam mematuhi kehendak-kehendak para 2 ini dalam tempoh yang dinyatakan, kecuali jika diabaikan dengan nyata oleh Kerajaan, akan menyebabkan penerimaan ini terbatal dan selepas itu Kerajaan tidaklah dengan apa-apa cara juga bertanggungjawab kepada tuan.

3. Tarikh permulaan sebagaimana yang disebutkan dalam syarat-syarat kontrak adalah pada tarikh Surat Setuju Terima ini ditandatangani oleh tuan tetapi tiada bekalan atau perkhidmatan di bawah kontrak ini boleh dimulakan kecuali dan sehingga tuan mematuhi peruntukan para 2 di atas.
4. Dengan penerimaan tawaran tuan oleh Kerajaan, tuan adalah di nasihatkan bahawa satu ikatan kontrak telah wujud antara Kerajaan dengan pihak tuan. Satu kontrak rasmi akan disempurnakan kemudiannya dengan memasukkan semua terma seperti yang dipersetujui. Tuan akan diberitahu oleh Kerajaan apabila Dokumen Perjanjian siap sedia untuk ditandatangani oleh tuan.
5. Pembekalan hendaklah dibuat selewat-lewatnya pada 7 Disember 2006 di Aras 2, Blok Utara, Kompleks Kementerian Kewangan, Putrajaya.
6. Surat ini dihantar kepada tuan dalam tiga (3) salinan. Sila kembalikan dua (2) salinan surat asal setelah ditandatangani dan disaksikan dengan sempurna dalam tempoh tujuh (7) hari kepada pejabat ini dan satu salinan untuk simpanana tuan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(Nama)

Bahagian Dasar Saraan, Wang Awam Dan Khidmat Pengurusan
Kementerian Kewangan Malaysia

SURAT AKUAN PENERIMAAN

Dengan ini, kami yang bertandatangan di bawah ini mengakui surat KK/BP(S)10/704/6() yang bertarikh 23 November 2006 dan mengesahkan * menerima / menolak tawaran bagi perolehan membekal, menghantar, memasang, menguji, melancar dan mentauliah termasuk menyediakan khidmat penyenggaraan (*preventive maintenance*) untuk tempoh 3 tahun bagi 216 unit PC dan bersetuju bahawa terma-terma di atas adalah merupakan sebahagian daripada terma-terma kontrak tawaran yang bertandatangan di bawah ini.

Yang Benar,

(Tandatangan Kontraktor)

Nama Penuh :

Jawatan :

Alamat :

(Tandatangan Saksi)

Nama Penuh:

Jawatan :

Alamat :

Menteri atau Cop Kontraktor

Tarikh

* - Sila potong yang mana tidak berkenaan